




Hudud

*siapa
khianati
hukum
Allah*

HUDUD MANA
YANG DITOLAK
OLEH DR. MAHATHIR



14
S



Hudud

siapa khianati hukum Allah

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

**YB DATO' DR JAMALUDIN DATO' MOHD JARJIS
AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI UMNO**

PUSTAKA PERDANA



1013753

Oleh

HASNUL RAHMAN

Berdasarkan ulasan dan ceramah
HAJI MOHD. KAMAL SAIDIN



Cetakan Pertama
November 2001

**Buku
kecil ini diterbitkan
khas untuk ahli-ahli dan
penyokong UMNO yang selama
ini 'terkedu' dengan dakwah orang-
orang PAS yang mendakwa UMNO
TOLAK HUDUD dan DR. MAHATHIR
TOLAK HUDUD.**

**Inshaallah,
selepas membaca buku kecil ini
anda sekalian berupaya
menangkis pembohongan
PAS dengan alasan
yang mantap.**

**Selamatkan NEGARA dari
pembohongan, selamatkan
BANGSA dari kepalsuan dan
selamatkan AGAMA dari kejumudan.**

Pengedar Tunggal :
DLSB

Pedoman

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ
الْكُذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِنُفْتَرُوا
عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ
الْكُذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾

Surah An-Nahl ayat 116

maksudnya :

Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan dengan lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah, tidak akan berjaya.

tafsir pimpinan Ar-Rahman :

Allah Taala tidak membenarkan sesiapaupun memandaimandai menghalalkan atau mengharamkan sesuatu, dengan tidak berdasarkan hukum syarak. Kerana perbuatan yang demikian hanya menurut hawa nafsu terhadap Allah Azzawajalla.

Kandungan

mukasurat

1. MUKADDIMAH	5
2. BUDAYA POLITIK PAS	9
3. DR. MAHATHIR TOLAK HUDUD?	19
4. APA YANG DITOLAK?	25
5. INILAH HUDUD CIPTAAN PAS	30
6. MENGKHIANATI HUKUM ALLAH	51
7. MUSLIHAT POLITIK	65
8. JANGAN HAIRAN....!	71
9. PENUTUP	81

Mukaddimah

*Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh
dan Salam sejahtera.*

PENGHIJRAHAN kuasa politik dari tangan penjajah British kepada pèribumi pada 31 Ogos 1957, adalah salah satu rahmat Allah SWT yang tidak seharusnya dilupakan oleh umat Melayu-Islam Malaysia.

Alhamdulillah, sejak negara bertuah ini merdeka, pembangunan bangsa dan negara berjalan lancar. Dari negara pertanian dan pengeluar bahan mentah untuk kegunaan industri negara asing, Malaysia kini tersenarai sebuah negara industri yang bertaraf Negara Membangun.

Dalam masa singkat - belum pun setengah abad, pembangunan negara ini diiktiraf dunia sebagai salah satu yang terpacau membangun. Sementara negara-negara Islam lain di dunia menganggap Malaysia adalah model sebuah negara Islam yang maju. Pengalaman dan kejayaan kita dicontohi. Pemimpin negara-negara Islam lain silih berganti datang melawat negara kita untuk melihat dan meninjau kemajuan dan kejayaan kita.

Malangnya, ditengah kerancangan kemajuan dan pembangunan itu, PAS membawa helah politik dengan slogan retorik, **MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**. Timbullah anggapan seolah-olah pembangunan yang sedang rancak itu tidak Islamik. Orang ramai jadi celaru dan keliru dengan helah politik PAS itu. Pada waktu yang sama berlaku krisis dalam UMNO pada tahun 1997. Krisis dalaman UMNO yang membawa kepada peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dari Kabinet dan UMNO itu telah dieksploitasi sebaik mungkin oleh PAS.

Akibatnya, keputusan Pilihan Raya Umum ke 10 pada tahun 1999 telah memberi isyarat jelas bahawa sokongan orang Melayu terhadap UMNO/BN merosot begitu ketara sekali. Kajian keputusan Pilihan

Raya Umum 1999 telah menggariskan banyak sebab mengapa sokongan terhadap UMNO/BN merosot. Antara sebab yang diberikan ialah kerana kempen-kempen PAS yang mempermainkan 'Ayat Allah'. Hasilnya Melayu jadi berpecah. Dan antara Ayat Allah yang diperalatkan ialah pentafsiran mengenai Hukum Hudud

Kerajaan dan pucuk pimpinan negara dikecam hebat kerana masih tidak melaksanakan hukum Allah yang diuar-uarkan sebagai Hudud. Oleh kerana sebahagian besar umat Melayu-Islam negara ini kurang arif atau langsung tidak faham apa dia Hudud, maka umpan politik yang ditabur oleh PAS itu mudah termakan.

Setelah Terengganu berjaya ditawan dan Kelantan kekal dikuasai PAS, maka Hudud yang dilaung-laungkan itu turut sepi dan berlalu begitu saja sebagaimana berlalunya Pilihan Raya Umum 1999. Hudud sepi entah kemana.

Apabila persoalan itu ditanyakan kepada jaguh Hudud, Dato' Sri Haji Hadi Awang, jawapan yang diberikan ialah hukum Hudud adalah bahagian yang sangat kecil dari keseluruhan hukum Allah SWT dengan perkiraan 0.0001 peratus sahaja. Mendengarkan penjelasan itu, maka ramailah umat Melayu Islam Malaysia kecewa kerana merasakan diri mereka telah tertipu.

Maka fahamlah mereka bahawa apa yang dikatakan oleh Kerajaan dan UMNO sebelum itu adalah benar, kerana begitulah penjelasan para pemimpin UMNO atau Kerajaan selama ini. Cuma yang berbezanya tidak bijaksana memberikan peratusan Hudud dalam keseluruhan hukum Islam sebagaimana Haji Hadi.

Seperkara yang menarik mengenai isu Hudud ini ialah dari segi ketelusan tuduhan yang diuar-uarkan itu. PAS melalui para pemimpinnya hanya menyebut bahawa Kerajaan atau Dr. Mahathir menolak hukum Hudud. Mereka seterusnya membacakan sebahagian isi kandungan surat Dr. Mahathir yang menolak Hudud ciptaan PAS itu. Mana rupa hukum Hudud yang dikemukakan oleh PAS kepada Kerajaan Pusat, tidak pernah ditunjukkan kepada rakyat.

Rakyat terus diperbodohkan oleh para pemimpin PAS yang berceramah ke seluruh negara dengan menyebarkan tohmahan yang memfitnah bahawa Dr. Mahathir telah menolak hukum Hudud.

Malangnya, sebahagian besar rakyat menerima bulat-bulat tohmahan PAS itu tanpa usul periksa.

Inilah sikap atau gaya kepimpinan PAS yang sentiasa memutarbelitkan fakta dengan isu yang disensasikan dengan niat mempengaruhi rakyat supaya membenci UMNO atau BN.

Berdasarkan hakikat inilah buku kecil yang diberi tajuk **HUDUD: Siapa Khianati Hukum Allah** ini ditulis. Harapan kami semoga para pembaca sekalian dapat memahami politiking di sebalik isu Hudud yang disensasikan oleh PAS itu.

Sehubungan dengan itu kami juga berharap mereka yang selama ini berasa tertipu dengan janji-janji PAS itu sentiasa waspada dan tidak mudah lagi tertipu atau terpedaya dengan janji-janji manis PAS di masa akan datang.

Pada pandangan kami, sejak PAS ditubuhkan pada tahun 1951 oleh Allahyarham Ahmad Fuad Hassan yang kecewa merebut kerusi Yang Dipertua UMNO pada tahun tersebut, parti itu tidak pernah mampu menunaikan janji-janji mereka, walaupun mereka pernah diberikan sedikit kuasa oleh Allah seperti di Kelantan dan Terengganu.

Mungkin ada yang berpendapat bahawa isu ini sudah basi. Bagi orang PAS, memanglah mereka menganggap isu hukum Hudud yang pernah disensasikan oleh pemimpin-pemimpin mereka sejak 1993 itu telah basi. Ianya menjadi basi kerana isu itu telah berjaya meraih sokongan buat PAS disamping meningkatkan kemarahan dan kebencian rakyat kepada Kerajaan dan Dr. Mahathir.

Benar atau bohong tidak ada dalam kamus perjuangan politik PAS. Apa yang ada cuma bagaimana mengeksploitasi sesuatu isu dengan sebaik mungkin tanpa mengira akibatnya. Jika kerana mereka umat Melayu-Islam jadi sesat dan terus jahil, itu bukan persoalan yang diambil kira oleh PAS. Yang penting ialah pengaruh dan sokongan dalam pilihan raya.

Apa pun yang mahu diperkatakan mengenai buku kecil ini, matlamat kami ialah mendedahkan apa dia hukum Hudud ciptaan PAS yang semenjak tahun 1993 lagi disembunyikan dari pengetahuan umum.

Yang didedahkan cuma Dr. Mahathir tolak hukum Hudud. Itu saja yang rakyat tahu.

Justeru, bukalah minda anda dan kajilah dengan penuh teliti apa yang cuba kami ketengah dan perjelaskan dalam buku kecil ini, terutama sekali mengenai **Kanun Jenayah Syariah (11) Kelantan**, yang diterbitkan dalam **Warta Kerajaan Negeri Kelantan, Jilid 46, No. 22, Tambahan No. 3, bertarikh 28hb Oktober 1993**, yang didakwa oleh PAS sebagai rang undang-undang Hudud.

Akhir kata dalam masa yang sama kami memohon maaf atas kesilapan dan kesalahan yang terdapat dalam buku ini. Sesungguhnya segala kelemahan itu adalah disebabkan kelalaian dan keketekan ilmu kami.

Sekian, salam hormat dan selamat membaca.

HASNUL RAHMAN.

Alor Setar,

Oktober, 2001.

Budaya Politik PAS

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang.
Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, yang memiliki sifat Sempurna dan Agung.
Selawat dan salam untuk junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, pesuruh-Nya dan kekasih-Nya, keluarga dan seluruh para sahabat baginda.*

PILIHAN RAYA UMUM KE 10 telah lama berlalu. Ketika buku ini selesai ditulis telah hampir dua tahun Pilihan Raya yang sangat dinanti-nantikan oleh Barisan Alternatif itu, berakhir dengan aman dan bersih.

Hasilnya, rakyat masih memberikan kepercayaan kepada Barisan Nasional untuk memerintah sekali lagi. Kemengan dua per tiga yang sangat diperlukan itu berjaya diperolehi oleh Barisan Nasional (BN).

Bagaimanapun BN gagal mempertahankan kekuasaannya di Terengganu. Negeri yang terkenal dengan jolokan 'Kuwit Malaysia' itu terlepas ke tangan PAS dengan kekalahan yang agak besar, sementara Kelantan masih gagal ditawan dan terus kekal di bawah cengkaman parti yang mendakwa memperjuangkan Islam itu.

Walaupun pelbagai analisis dibuat setelah selesai Pilihan Raya Umum itu, yang pasti sokongan orang Melayu-Islam terhadap BN, khususnya UMNO nyata merosot dengan teruknya. Kata-kata mudahnya ialah **'Melayu telah berpecah'**.

Seperkara yang menarik mengenai keputusan Pilihan Raya Umum itu ialah perihal berkesannya kempen-kempen pembangkang menanamkan sikap benci kepada BN dan UMNO, khususnya pucuk pimpinan negara. Dan yang jadi juaranya ialah PAS. Parti itu kelihatan begitu berjaya mengeksploitasi suasana politik orang Melayu-Islam yang secara mendadak jadi gawat kerana isu pemecatan Anwar Ibrahim dari Kabinet dan UMNO.

Dalam suasana masyarakat Melayu tenggelam-timbul dalam kegawatan ekonomi dan politik itu, PAS menambah lagi dengan dakwaan-dakwaan yang berbau Islam, iaitu mengenai hukum Hudud.

PAS begitu berjaya mensensasikan isu Hudud ini sehingga ramai umat Melayu-Islam yang dangkal ilmu agama begitu terpengaruh dan dengan penuh yakin menyambut seruan pemimpin-pemimpin PAS yang mendakwa kerajaan yang ada selama ini tidak Islam kerana tidak melaksanakan hukum Allah yang dinamakan Hudud itu.

Tokoh Pas yang begitu lantang menyuarakan isu Hudud ini ialah Haji Hadi Awang, Timbalan Presiden PAS yang kini telahpun berjaya menduduki kerusi Menteri Besar Terengganu.

Oleh kerana beliau merupakan orang nombor dua dalam kepimpinan PAS dan memimpin pula Negeri Terengganu yang dianggap kaya dengan hasil minyak galian, maka rakyat Melayu-Islam negeri berkenan merupakan golongan pertama masyarakat negara Malaysia ini yang menanti-nanti pelaksanaan hukum Hudud yang diuar-uarkan itu. Mereka penuh yakin dan percaya bahawa Haji Hadi yang dipanggil Tuan Guru itu akan menjadi orang pertama di Malaysia yang berani dan sanggup melaksanakan hukum Hudud di Terengganu.

Pada pendapat kebanyakan mereka, hukum Hudud itu ialah 'pencuri dipotong tangan' dan 'penzina dihukum rejam'. Itulah pengertian yang termampu mereka perolehi dari takrif hukum Islam yang bergelar Hudud itu.

Malangnya, dalam pada rakyat Negeri Terengganu begitu menanti-nantikan pelaksanaan hukum Hudud yang dijanjikan oleh Tuan Guru Haji Hadi, tiba-tiba Menteri Besar baru Negeri Terengganu Darul Iman itu membuat kenyataan bahawa hukum Hudud memerlukan masa panjang untuk dilaksanakan dan ia merupakan bahagian yang sangat kecil dalam perundangan Islam.

Sehubungan dengan itu, Haji Hadi juga berkata: "Hudud adalah satu aspek daripada 0.0001 peratus dari hukum jenayah Islam".

Mengulas mengenai kenyataan itu, Ustaz Kamal Saidin berkata: "Terdapat tiga persoalan pokok yang jelas jadi permainan lidah Haji Hadi yang bertaraf ulama itu.

"Pertama, mengenai perkataan **memerlu masa panjang** seperti yang dikatakan oleh tok guru PAS itu.

"Kenapa memerlukan masa panjang? Bukankah hukum Hudud yang didakwa oleh PAS telah ditolak oleh Dr. Mahathir Mohamad, telah pun dicipta oleh PAS pada tahun 1993 melalui Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan?"

"Kenapa tidak digunakan sahaja akta tersebut untuk negeri Terengganu pula? Apakah Hudud Allah itu berlainan dari satu negeri ke satu negeri? Takkan Hudud Kelantan lain, Hudud Terengganu lain?"

"Selain dari itu, bukankah penciptaan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan yang didakwa oleh PAS sebagai hukum Hudud itu dipengerusikan oleh Haji Hadi Awang sendiri?"

"Apabila Haji Hadi sendiri tidak mahu menggunakan Kanun Jenayah Syariah (11) Kelantan itu sebagai Akta Hudud di Terengganu, tidakkah itu membuktikan bahawa apa yang didakwa oleh PAS selama ini sebagai hukum Hudud itu, sebenarnya satu muslihat politik kotor PAS yang memperalatkan agama Islam?."

"Sedangkan tindakan Terengganu melarang kaum wanita menyertai Tillawah al-Quran dibuat berdasarkan apa yang dilaksanakan oleh kerajaan Kelantan?", ulas Ustaz Kamal.

Perkara kedua yang dipersoalkan oleh Ustaz Kamal ialah mengenai perkataan **perkara kecil**.

"Apakah kecil kini persoalan Hudud yang sebelumnya diperbesarkan oleh PAS hingga mengheret umat Melayu-Islam penyokong PAS membuat dakwaan atau tuduhan mengkafirkan orang-orang UMNO serta Dr. Mahathir Mohamad, kerana tidak melaksanakan hukum Hudud?"

"Bolehkah dikatakan perkara kecil jika sebelum itu pemimpin-pemimpin PAS menggunakan dalil ayat al-Quran bagi membuktikan orang-orang UMNO kafir, zalim dan fasik?"

"Bukankah Haji Hadi dan lain-lain ulama PAS menuduh Dr. Mahathir Mohamad serta orang-orang UMNO kafir dengan membaca sebahagian ayat 44, Surah Al-Maaidah yang bermaksud:

Barang siapa yang tidak menghukum menurut yang diturunkan Allah, maka mereka itu orang-orang kafir?

"Tidakkah mereka juga menuduh Dr. Mahathir Mohamad serta orang-orang UMNO zalim dengan membaca sebahagian ayat 45, Surah Al-Maaidah yang bermaksud:

Barang siapa yang tidak menghukum menurut yang diturunkan Allah, maka mereka itu orang-orang zalim?

"Lupakah mereka bahawa sebelum ini mereka menuduh Dr. Mahathir Mohamad serta orang-orang UMNO fasik dengan membaca sebahagian ayat 47, Surah Al-Maaidah yang bermaksud:

Barang siapa yang tidak menghukum menurut yang diturunkan Allah, maka mereka itu orang-orang fasik?

"Kalau dahulu penyokong-penyokong PAS mendakwa Dr. Mahathir Mohamad dan orang-orang UMNO kafir, zalim dan fasik kerana tidak melaksanakan hukum Hudud, apakah pula kedudukan Dato' Seri Haji Hadi Awang, Menteri Besar Terengganu yang masih tidak mampu melaksanakan hukum Hudud, walaupun telah memerintah hampir dua tahun?

"Apakah hukum Hudud itu dianggap besar semasa PAS belum berkuasa, tiba-tiba jadi kecil bila PAS beroleh kuasa? Apakah penilaian umat Melayu-Islam kini setelah mendengar lidah ulama bernama Haji Hadi Awang yang sangat disanjung oleh penyokong-penyokong PAS yang taksub itu, berbelit-belit memutar kata-kata?", tanya Ustaz Kamal serius.

"Dan yang ketiga ialah mengenai perangkaan hukum Hudud pada kadar **0.0001 peratus** atau **1 per 10,000** dari hukum jenayah Islam", ulas Ustaz Kamal seterusnya.

"Berdasarkan hujah ini terbukti kepada umum bahawa isu hukum Hudud yang diuar-uarkan oleh PAS selama ini adalah **SANDIWARA**

atau **LAKONAN** yang dipentaskan oleh parti politik yang mendakwa memperjuangkan Islam untuk meraih sokongan politik di bawah agenda memecahbelahkan umat Melayu-Islam.

"Sandiwara itu telah dipentaskan di bawah arahan para pemimpin PAS yang dianggap ulama lagi tok guru", kata Ustaz Kamal mengakhiri ulasannya dalam bab ini.

Rakyat Terengganu khususnya dan seluruh umat Islam Malaysia amnya agak terkejut dan tersentak dengan pengumuman Tuan Guru itu. Tetapi mereka tak berani berkata apa kerana sikap mereka yang taksub itu menyebabkan mulut-mulut mereka terkunci rapat. Lidah mereka jadi kelu dan fikiran mereka juga turut buntu. Segalanya berpunca dari sikap taksub dan fanatik yang menjadikan mereka jumud.

Begitulah politik kotor PAS yang bertopengkan perjuangan Islam. Tanpa rasa malu, apa lagi rasa bersalah kerana berbohong, mereka dengan selamba mengeluarkan 'petua' yang baru untuk membatalkan 'petua' sebelumnya. Bagi pemimpin PAS, menukar kata-kata dan janji merupakan perbuatan biasa dan tidak boleh dianggap bersalah.

Kesimpulannya, umat Melayu-Islam sebelum Pilihan Raya Umum ke 10 yang begitu ghairah mengharapkan kelahiran sebuah kerajaan Islam yang sebenar, melopong menggigit jari. Mata mereka terkebil-kebil macam 'kera pengsan'. Mulut-mulut mereka kini terkunci rapat dari berbicara soal hukum Hudud.

Soalnya, apakah ini tidak boleh dianggap sebagai suatu penipuan politik yang terang dan nyata? Apakah nasib umat Melayu-Islam Malaysia yang sangat mengharapkan 'Syurga Allah yang dijanjikan PAS' itu? Tak berasa malukah mereka pada keceluparan kata-kata yang dihamburkan dengan begitu angkuh sebelum itu?

Inilah dilema masyarakat Melayu-Islam Malaysia yang mula merasakan diri mereka tertipu oleh PAS.

Sesungguhnya, soal janji-janji politik yang memperalatkan isu agama suci Islam sememangnya jadi mainan para pemimpin PAS sejak dahulu. Tak kira sama ada mereka itu ulama, tok guru, ustaz, tok alim atau apa juga gelaran yang menggambarkan mereka itu benar-

benar pemimpin Islam, semuanya membuat janji politik berasaskan Islam yang kemudiannya tidak mampu ditunaikan. Atau dengan kata mudah, mereka adalah 'pembongong' yang sanggup menjual agama kerana keuntungan yang sedikit.

Begitulah PAS. Dan itulah sikap para pemimpin mereka yang sejak dulu lagi memeralatkan agama Islam demi kepentingan politik kepartian, demi kuasa dan demi harta dunia.

Contoh mudah dalam membuktikan sikap mereka itu ialah semasa belum berkuasa, kalangan pemimpin dan pejuang PAS sentiasa berpakaian yang menonjolkan diri sebagai orang zuhud, iaitu berjubah dan berserban. Tetapi bila dah menang pilihan raya dan mula berkuasa, 99 peratus dari mereka telah mencampakkan 'pakaian zuhud' mereka dan menggantikannya dengan kot dan tali leher. Bergaya macam orang-orang UMNO yang sebelum itu pernah mereka anggap 'pakaian orang kafir'. Nyatalah Islam cuma jadi alat.

Menyorot sikap dan budaya politik PAS, kita akan bertemu dengan pelbagai slogan keagamaan yang dijadikan senjata ampuh untuk memperdaya umat Melayu-Islam. Walhal slogan-slogan itu adalah helah politik, bagaikan 'rebana ubi' semata-mata. Badannya besar dan berhias cantik. Suaranya nyaring, tetapi di dalamnya kosong. Apabila ia bergema semua perhatian tertumpu padanya.

Kita masih ingat '**MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**' adalah slogan PAS yang mula disohorkan di Kelantan untuk Pilihan Raya Umum 1990. Ternyata slogan ini telah memberi kemenangan besar kepadanya dalam pilihan raya tersebut. Sehingga kini slogan ini masih terus dimainkan pada semua forum politik PAS bagaikan azimat yang ditampal dan dipamerkan di mana-mana.

Sebelum itu dalam Pilihan Raya Umum pertama pada tahun 1959, PAS juga telah menang besar di Kelantan. Daripada 30 kerusi Dewan Undangan Negeri pada waktu itu, hanya dua kerusi sahaja yang mampu dimenangi oleh Perikatan.

Kempen pada waktu itu ialah '**MEWUJUDKAN SEBUAH NEGARA ISLAM**'.

Sementara janji politiknya pula ialah: "**Jika PAS disyiharkan**

menang di bumi Serambi Mekah ini, maka esoknya, sebelum ayam berkokok, sebelum burung keluar dari sarangnya, sebelum fajar menyingsing, kita nobatkan baldatun tayyibatun warabbun ghafur (Negara indah lagi diredhai Allah)".

Maka rakyat Kelantan pun menunggu-nunggulah jenis keredhaan yang dijanjikan itu. Bagaikan 'menunggu kucing bertanduk', PAS gagal membuktikan Islam sebagai agama baik dan agama benar dari Allah SWT. Yang jahil bertambah jahil dan yang miskin sesak kedana. Ramai anak-anak muda Kelantan waktu itu mengejar rezeki ke Kedah memukul padi, ke Selatan Thailand menoreh getah dan ke Pahang meneroka hutan.

Kemudian tiba pula Pilihan Raya Umum 1964. Ketika itu PAS menimbulkan pula isu kafir mengkafir terhadap orang UMNO. Kempen mereka menggunakan ayat al-Quran yang membawa maksud **"Sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan Allah maka mereka adalah kafir"**, ditafsirkan menurut apa yang dipolitikkan oleh puak Khawarij yang mengkafirkan Saidina Ali bin Abu Talib. Kesannya, UMNO kalah lagi.

Fitnah kafir-mengkafir ini berpanjangan hingga Pilihan Raya Umum 1969. Ketika itu PAS menggunakan pula ayat al-Quran yang bermaksud : **"Orang mukmin tidak dibolehkan mengambil orang kafir sebagai pemimpin selain daripada orang mukmin juga. Sesiapa yang melakukan demikian maka dia itu tidak daripada golongan penyembah Allah"**.

Kempen-kempen PAS dengan angkuhnya mentafsirkan ayat itu bahawa UMNO yang bekerjasama dengan orang Cina dan India (MCA dan MIC) dalam gagasan Perikatan tidak boleh diberi sokongan. Sesiapa yang menyokongnya dituduh sebagai bukan daripada golongan Islam.

Pada waktu inilah sejarah politik negara tidak dapat merupakan peristiwa pulau-memulau di kalangan masyarakat disebabkan oleh fitnah kafir-mengkafir tersebut.

Akibatnya, sembelihan penyokong UMNO tidak boleh dimakan, nikah jadi tidak sah, tanah kubur berasingan dan wujud sembahyang dua imam di beberapa buah masjid. Bahkan difatwakan oleh mereka

'mati melawan UMNO adalah syahid'.

Keadaan yang sarat dengan fitnah begini berpanjangan selama 18 tahun hinggalah PAS menghadapi krisis dalaman yang melahirkan Berjasa. Maka pada Pilihan Raya Umum 1987 kemudiannya memberikan kemenangan mutlak kepada UMNO.

Fatwa yang membawa maksud '**mati syahid kerana melawan UMNO**' itu popular dengan panggilan '**Amanat Haji Hadi**'. Anehnya, apa yang dipanggil amanat itu telah dicetak cantik dan digantung bagai azimat oleh penyokong-penyokong fanatik PAS di kampung-kampung.

Sekali lagi padah menimpa masyarakat Melayu-Islam gara-gara slogan songsang PAS tersebut. Apabila nyawa sanggup ditukar dengan '**syurga ciptaan PAS**', maka mereka yang fanatik dan taksub bersedia untuk menentang UMNO atau kerajaan.

Sebagai akibat kepada amanat itu, para penyokong Ibrahim Mahmud (Ibrahim Libya) di Kampung Charuk Puteh, Baling, Kedah sanggup melawan pihak berkuasa Polis - malahan sanggup terbunuh kerana mempertahankan ketua mereka - yang datang untuk menangkap Ibrahim Libya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Sejarah Hitam yang dikenali sebagai '**Peristiwa Memali**' pada 19 November 1985 yang mengorbankan 14 orang penyokong fanatik PAS itu tidak syak lagi adalah gara-gara 'Amanat Haji Hadi' yang menjanjikan mati syahid kerana menentang UMNO atau kerajaan Malaysia yang dianggap kafir itu.

Walaupun ada golongan tertentu dalam PAS cuba menafikan kaitan peristiwa tersebut dengan Amanat Haji Hadi, tetapi mereka lupa bahwa yang memfatwakan kematian pengikut Ibrahim Libya itu sebagai 'Syuhada' adalah para pemimpin PAS sendiri. Ini jelas kerana kesemua mereka yang terbunuh itu dikebumikan di satu tanah perkuburan khas di Kampung Parit Panjang, Baling tanpa dimandi dan dikafan.

Ekoran peristiwa itu juga telah wujud sebuah tabung untuk membantu keluarga mereka yang terbunuh dan persekolahan anak-anak yatim. Tabung itu dinamakan **Tabung Mangsa Memali** dan ianya dikelola oleh satu Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh PAS Cawangan Memali.

Pada 27 Julai 2000 pecah berita bahawa terjadi penyelewengan dalam pengurusan Tabung Mangsa Memali dan satu Laporan Polis telah dibuat pada tarikh tersebut.

Begitulah sedikit gambaran mengenai ciri-ciri budaya politik PAS yang penuh dengan retorik dan tidak berkeupayaan menunaikan janji. Pada PAS apa yang dijanjikan sebelum atau semasa berkempen dalam pilihan raya hanyalah hamburan kata-kata untuk menang pilihan raya sahaja. Apa nak jadi lepas itu tak perlu ambil kira. Nanti bila tiba pulak musim Pilihan Raya baru cari slogan lain mengikut kepentingan semasa, demi kuasa dan kedudukan segelintir pemimpin dalam PAS.

Soalnya, berapa lama lagikah PAS boleh dan mampu membohongi rakyat, khususnya rakyat Melayu-Islam yang jahil mengenai ajaran sebenar Islam?

Sehubungan dengan itu, tandatanya lain yang timbul ialah sampai bilakah umat Melayu-Islam negara ini sanggup menahan sabar terhadap muslihat politik PAS yang penuh retorik dan pembohongan itu?

Semoga Allah SWT memberikan hidayah kesedaran kepada mereka yang begitu lama terpedaya dengan fitnah dan janji-janji PAS.

Forum Gejala Murtad PMIUM panas

PAS tunjuk bukti Umno tolak hudud

KUALA LUMPUR: Wakil PAS, Ustaz Nasaruddin Daud mendedahkan kepada para hadirin kenyataan Presiden Umno, Dr. Mahathir Mohamad yang menolak pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan (hukum hudud). Pendedahan Ustaz Nasaruddin ini disambut laungan takbir lebih 1,000 hadirin.

Ketika membidas sindiran wakil kerajaan, Mustafa Talib, beliau membacakan beberapa kenyataan Dr. Mahathir yang menolak secara terang-terang pelaksanaan hukum hudud.

Forum Ad-Diin anjuran Persatuan Mahasiswa Islam (PMIUM) panas seketika apabila wakil PAS menjawab satu persatu hujah wakil kerajaan, Mustafa Talib.

Ustaz Nasaruddin membacakan isi kandungan surat amaran Perdana Menteri kepada Menteri Besar Ke-

lantan yang melarang Kerajaan Kelantan melaksanakan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan sebagai bukti Pusat menghalang hukum hudud dilaksanakan di Kelantan.

Surat amaran Perdana Menteri itu berbunyi:

"Kerajaan Malaysia yang sentiasa mempertahankan ajaran-ajaran Islam tidak membenarkan Kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip keadilan yang ditentukan oleh Islam. Jika PAS cuba untuk menguatkuasakan undang-undang ini yang jelas sudah bercanggah dengan prinsip keadilan dalam Islam, maka Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap Kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam." Selepas Ustaz Nasaruddin mem-

bacakan surat tersebut, ia segera disambut dengan laungan takbir berkali-kali.

Beliau meneruskan bidasannya kepada wakil kerajaan yang memandagkan remeh terhadap usaha PAS membela nasib umat Islam yang sedang dilanda riddah. Katanya, dalam suasana penuh mencabar ini, sepatutnya seluruh umat Islam bersatu menghadapi jenayah murtad ini tanpa mengira fahaman parti politik.

"Kalau Umno kata umur 18 tahun ni tak betul. Sila buat hudud yang boleh abai untuk umur 16 atau 17. Ini yang 15 tahun tak buat. Hak 50 tahun pun dia tak bagi," ujar beliau dan disambut gelak ketawa hadirin.

Ustaz Nasaruddin turut mengajak umat Islam di negara ini supaya memahami Surah al-Maidah ayat 44, 45 dan 47 sambil menjauhkan



Ustaz Nasaruddin

diri mereka dari golongan orang yang zalim kerana dikuatir akan diperic oleh api neraka.

Sebelum itu, seorang hadirin, Saudara Zuhdi Marzuki ketika mengajukan soalan kepada ahli panel turut meminta wakil kerajaan, Mustafa Talib agar memikirkan semula pandangannya selama ini. (TMJ)

keratan Akbar HAKAKAH keluaran 15/6/1998

Dr. Mahathir Tolak Hudud?

MENOLAK hukum Hudud adalah antara beberapa tuduhan yang dibuat oleh PAS terhadap Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Persoalannya, benarkah Dr. Mahathir menolak hukum Hudud?

Jawapannya tentulah tidak. Dato' Seri Dr. Mahathir walaupun tidak pernah menganggap diri beliau sebagai ulama, tetapi pengetahuan beliau dalam agama sangat mantap.

Malah dalam banyak aspek penghujahan beliau mengenai isu-isu agama termasuk kenapa tidak dilaksanakan hukum Hudud di Malaysia adalah menunjukkan bahawa beliau lebih faham dari sesetengah cerdik pandai agama dan ulama PAS.

Justeru, tidak hairanlah bila puak PAS mahu menuduh Dr. Mahathir menolak hukum Hudud, mereka hanya menggunakan hujah secara putar belit seperti menuduh beliau menghina Nabi Muhammad SAW dalam Perhimpunan Agung UMNO.

Mereka hanya mengambil sebahagian daripada ucapan beliau untuk menggambarkan beliau menghina Nabi. Untuk menuduh beliau menolak hukum Hudud pula mereka mantafsirkan kenyataan-kenyataan tertentu Perdana Menteri mengenai hukum Hudud yang tidak dapat dilaksanakan di negara ini kerana tidak cukup syarat, untuk menggambarkan beliau menolak hukum Allah yang unik itu.

Bagaimanapun, ramai orang awam Islam termakan dengan dakwah PAS itu dan mereka percaya tuduhan yang dilempar kepada Dr. Mahathir.

Apa kata Dr. Mahathir mengenai tuduhan PAS bahawa beliau menolak hukum Hudud?

Oleh itu cuba kita ikuti sebahagian ucapan beliau kepada 145 orang bekas penyokong PAS dari Marang, Terengganu di Sri Perdana, Putra Jaya, tidak lama dulu yang khusus mengenai hukum Hudud.

Dr. Mahathir berkata, PAS menuduh kita bukan negara Islam kerana tidak mengamalkan hukum Hudud. Apakah ini boleh dijadikan sebab untuk menidakkan kita sebagai negara Islam. PAS mendakwa Arab Saudi mengamalkan hukum Hudud. Negara itu melaksanakan hukum pancung dan kadang-kadang dia potong tangan, yang menjadi persoalan ialah bagaimanakah dia membuat keputusan untuk menghukum seseorang itu.

"Kita ada bertanya kepada mereka mengenai hal itu, terutama mengenai bagaimanakah mereka membuat keputusan untuk menghukum bunuh seseorang. Mereka tidak dapat memberikan jawapan dan oleh itu kita tidak tahu apakah dibuat perbicaraan mengikut kehendak hukum Hudud.

"Baru-baru ini terjadi satu kes di Arab Saudi yang menjatuhkan hukum Hudud ke atas dua orang yang meliwat seorang budak dan mereka membunuh budak itu. Kerana membunuh budak itu kerajaan Arab Saudi telah menjatuhkan hukum bunuh ke atas dua orang itu.

"Kita hendak tahu bagaimanakah cara menjatuhkan hukuman bunuh ini dan kaedah yang digunakan oleh mereka untuk membicarakan seseorang itu mengikut hukum Hudud. Sampai sekarang masih lagi tidak mendapat jawapan daripada pihak mereka. Cara yang digunakan itu tidak semestinya dikehendaki oleh hukum Hudud. Kita tidak tahu pasal apa!" katanya.

Menurut beliau, negara-negara lain tidak ada yang mengamalkan sistem Hudud, tetapi ia diiktiraf oleh umat Islam dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sebagai negara Islam.

Dalam konteks Malaysia yang diiktiraf sebagai negara Islam, Dr. Mahathir berhujah, hukum Hudud bukan syarat untuk menjadi negara Islam. Sebab hukum Hudud tidak dilaksanakan adalah kerana keadaan tidak mengizinkan. Keadaan rakyat termasuk orang Islam di Malaysia ini tidak mengizinkan dilaksanakan hukum Hudud.

Beliau berhujah lagi, banyak perkara dan hukum yang diwajibkan

dalam ajaran Islam tidak dapat kita laksanakan. Hanya kerana kita tidak melaksanakan perkara-perkara dan hukum-hukum itu tidak menjadikan kita tidak Islam.

"Kita akan menjadi kafir jika kita mengatakan bahawa sembahyang itu tidak wajib dan sembahyang itu karut. Maka barulah kita dianggap kafir. Tidak sembahyang kerana sebab-sebab tertentu, kita masih lagi dianggap Islam kerana kita percaya bahawa sembahyang itu adalah satu daripada Rukun Islam. Cuma yang menjadi masalahnya ialah kita tidak dapat melakukannya atas sebab-sebab tertentu.

"Kita juga menerima hukum Hudud sebagai sebahagian daripada tertegaknya negara Islam, tetapi kerana sebab-sebab tertentu kita tidak dapat melaksanakannya. Adakah dengan sebab kita tidak dapat melaksanakannya maka kita menjadi kafir?"

"Lainlah sekiranya kita mengatakan bahawa hukum Hudud itu adalah hukum cara lama yang tidak boleh digunakan lagi serta ia patut dibuang, maka barulah kita boleh dianggap tidak Islam dan secara tidak langsung menjadi kafir. Di dalam hal ini kita tidak pernah pun menolak hukum Hudud. Kita cuma menyatakan bahawa kita tidak mampu," jelas Dr. Mahathir.

Menurut beliau, apabila PAS berkata bahawa kerajaan ini bukan Islam kerana tidak melaksanakan hukum Hudud samalah seperti PAS berkata bahawa tidak ada negara Islam di dalam dunia ini kerana kesemua 53 buah negara Islam di dalam dunia ini tidak melaksanakan hukum Hudud.

Beliau berkata, PAS menidakkan Malaysia sebagai negara Islam sedangkan orang lain tidak pula berbuat demikian. Sebaliknya kita diiktiraf oleh negara Islam lain sebagai sebuah 'Negara Islam Contoh'.

"Baru-baru ini saya berjumpa dengan Presiden Algeria yang meminta Malaysia menghantar pakar ke negaranya. Mereka mahu belajar banyak perkara dari Malaysia. Beliau mendapati Malaysia adalah 'Negara Islam Contoh' kepada lain-lain negara Islam di dunia.

"Bukan Presiden Algeria sahaja berkata demikian, bahkan ramai lagi termasuk Presiden Mesir, Hosni Mubarak dan beberapa pemimpin terulung dunia turut mengatakan Malaysia negara Islam contoh.

"Jika pemimpin negara asing ini boleh mengatakan Malaysia negara Islam, mengapa PAS dengan lantang mengatakan negara ini bukan Islam kerana tidak melaksanakan hukum Hudud. Jika kita mahu berjuang kita mesti menguasai segala ilmu baik ketenteraan, sains, teknologi dan sebagainya," kata beliau.

Dr. Mahathir tidak mengetahui bagaimana PAS boleh menuduh kerajaan kafir serta menuduh beliau sebagai 'Mahafiraun' dan mereka juga telah mengadakan beratus-ratus sembahyang hajat menuntut beliau mati. Dr. Mahathir berkata, jika mengikut PAS beliau telah mati sebanyak empat kali, tetapi Alhamdulillah beliau masih hidup.

"Jika kita mahu mencaci dan memaki memang cukup mudah tetapi untuk berjuang dan memimpin bukanlah satu perkara yang mudah. Kita tidak memaki tetapi kita hanya berdoa agar mereka (pemimpin-pemimpin PAS) sedar terhadap apa yang mereka lakukan itu adalah amat buruk yakni memecahbelahkan orang Islam. Sedangkan Islam meminta kita bersahabat sesama Islam. Tetapi PAS mengasingkan sesama Islam. Mereka juga menuduh orang UMNO yang beragama Islam sebagai kafir hanya kerana mereka ahli UMNO.

"Apakah ini orang-orang atau pemimpin yang mahu menubuhkan negara Islam? Apabila kita umat Islam berpecah, bolehkah kita menubuhkan negara Islam? PAS berusaha memecahbelahkan umat Islam di negara ini. Tetapi sedarkah mereka siapakah yang akan menikmati keuntungan? Sudah tentu musuh-musuh Islam juga yang bakal meraih keuntungan.

"Kerana itulah musuh-musuh Islam ini menyokong PAS dan bersama-sama memaki hamun saya serta memperlekehkan negara ini. Barat bersama-sama PAS bersatu dan berusaha menjatuhkan kredibiliti negara ini serta membuat pelbagai tohmahan. Pihak Barat memang tak sukakan saya kerana saya agak keras dan tegas. Ini sudah tentu menimbulkan kemarahan mereka yang mempunyai matlamat untuk memecahbelahkan negara Islam.

"Barat hendak melihat kita berpecahbelah supaya mudah bagi mereka untuk menjajah kita semula. PAS dijadikan alat oleh mereka untuk mencapai matlamat menjajah negara ini. Haji Hadi dan Nik Aziz menjadi jambatan perjuangan Barat," tegas beliau.

Bagaimanapun, Perdana Menteri bersyukur kerana ada yang sedar atas segala kesalahan yang telah dilakukan oleh para pemimpin PAS ini. Mereka kembali ke jalan yang benar iaitu jalan yang didorong oleh Islam dengan merapatkan kembali silatullahim yang telah putus.

Beliau berkata bahawa saya yakin dan percaya suatu hari nanti Allah SWT akan membalas segala perbuatan para pemimpin PAS ini dan mereka akan merasai balasannya. Dengan tuduhan dan gelaran yang berbagai-bagai oleh mereka kepada beliau, beliau serahkan kepada Tuhan untuk membalasnya. Sesungguhnya Allah itu Maha Adil.

Demikian ulasan Dr. Mahathir mengenai dakwaan PAS bahawa beliau anti Islam kerana tidak melaksanakan hukum Hudud.

Memang benar seperti kata Dr. Mahathir di penghujung ucapannya yang mengatakan bahawa beliau menyerahkan kepada Allah SWT segala fitnah dan tohmah yang dilemparkan oleh para pemimpin PAS.

Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Pada Pilihan Raya Umum 1999, juara PAS yang mengetengahkan isu Hudud, Haji Hadi Awang telah diberi kuasa oleh Allah untuk memerintah Terengganu.

Bagaimana dengan hukum Hudud di Terengganu?

Haji Hadi dengan selamba atau bersahaja tanpa segan silu mengatakan bahawa hukum Hudud adalah bahagian yang kecil dari keseluruhan hukum Allah SWT.

Pulak dah!

Bukankah itulah yang dikatakan oleh Dr. Mahathir mengenai persoalan mengapa beliau tidak melaksanakan hukum Hudud di Malaysia?

Kalau Dr. Mahathir dilabelkan sebagai kafir kerana tidak melaksanakan hukum Hudud, bagaimana dengan Haji Hadi Awang yang tidak mahu atau tidak mampu melaksanakan hukum Allah itu di Terengganu?

Sandiwara



SANDIWARA... Hj. Hadi dan Kit Siang berpelukan ala Arab.
Gambar ini disiarkan di muka depan *Harakah* keluaran 20/12/1999 PAS untuk
membuktikan bahawa PAS dan DAP tidak berbalah.
Akhirnya bercerai juga menjelang Pilihanraya Sarawak 2001.

Apa Yang Ditolak?

LIDAH rasmi PAS, Harakah terbitan 15hb Jun 1998, menyiarkan berita dengan tajuk **PAS TUNJUK BUKTI UMNO TOLAK HUDUD.**

Berita yang disiarkan itu menyebut bahawa wakil PAS, Ustaz Nasaruddin Daud mendedahkan kepada para hadirin kenyataan Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad yang menolak pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan (hukum hudud). Pendedahan Ustaz Nasaruddin ini disambut laungan takbir lebih 1,000 hadirin.

"Ketika membidas sindiran wakil kerajaan, Mustafa Taib, beliau membacakan beberapa kenyataan Dr. Mahathir yang menolak secara terang-terang pelaksanaan hukum hudud.

"Ustaz Nasaruddin membacakan isi kandungan surat amaran Perdana Menteri kepada Menteri Besar Kelantan yang melarang Kerajaan Kelantan melaksanakan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan sebagai bukti Pusat menghalang hukum hudud dilaksanakan di Kelantan", jelas berita tersebut.

Menurut berita itu lagi, surat amaran Perdana Menteri itu berbunyi: ***"Kerajaan Malaysia yang sentiasa mempertahankan ajaran-ajaran Islam tidak membenarkan Kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip keadilan yang ditentukan oleh Islam. Jika PAS cuba untuk menguatkuasakan undang-undang ini yang jelas sudah bercanggah dengan prinsip keadilan dalam Islam, maka Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap Kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam"***.

"Selepas Ustaz Nasaruddin membacakan surat tersebut, ia segera disambut dengan laungan takbir berkali-kali."

Berdasarkan berita ini nyatalah bahawa yang dimaksudkan oleh PAS sebagai hukum Hudud itu ialah Kanun Jenayah Syariah (II)

Kelantan seperti mana yang di wartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Kelantan bertarikh 28hb Oktober 1993.

Anehnya, bentuk atau naskhah rang undang-undang yang dijadikan asas oleh PAS sebagai hukum Hudud itu tidak didedahkan kepada umum.

Rang undang-undang ini diketengahkan pada tahun 1993 adalah dengan muslihat untuk dijadikan isu politik pada Pilihan Raya Umum 1995 yang lalu. Ternyata helah PAS itu berjaya kerana dalam Pilihan Raya Umum 1995, PAS berjaya mempertahankan Kelantan.

Setelah PAS berjaya mengekalkan Kelantan, isu itu didiamkan seketika dan rakyat pun jadi lupa. Bagaimanapun, menjelang Pilihan Raya Umum 1999, iaitu pada 1998, isu hukum Hudud ini ditimbulkan semula.

Sebagaimana berita yang disebutkan tadi, para pemimpin PAS mula sekali lagi mensensasikan isu hukum Hudud itu, terutamanya kepada para pelajar Universiti yang termakan dengan dakyah PAS.

Ini terbukti bila mana berita yang dirujuk tadi adalah hujah pemimpin PAS dalam satu Forum Ad-Diin anjuran Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya.

Peliknya, para pelajar yang mendakwa diri mereka bijak pandai itu tertutup mindanya bila berdepan dengan para pemimpin PAS. Otak mereka jadi beku dan daya fikiran mereka terhenti buat seketika. Mereka tidak dapat menghujah kembali apa yang dibacakan oleh penceramah, iaitu isi kandungan surat Dr. Mahathir mengenai hukum Hudud yang ditolaknya itu.

Bukankah dengan jelas surat yang dibacakan oleh Ustaz Nasaruddin itu menyebutkan bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa mempertahankan ajaran Islam dan kerana itu Kerajaan tidak rela Kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang jelas bercanggah dengan prinsip keadilan yang ditentukan oleh Islam?

Selain dari itu Kerajaan Pusat juga memberi amaran bahawa tindakan akan diambil jika Kerajaan Kelantan melaksanakan rang undang-undang berkenaan.

Sepatutnya mereka yang bijak-pandai itu bertanya kenapa Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan itu ditolak? Apa asas penolakannya? Kemudian barulah dibahaskan berdasarkan ilmu.

Ini tidak. Main terima saja. Bila PAS kata Dr. Mahathir tolak hukum Hudud, mereka pun terima dengan bulat-bulat tanpa usul periksa.

Kalau orang kampung yang tidak berpelajaran tinggi bersikap demikian kita tak heran. Tapi yang jadi tanda tanya ialah golongan terpelajar di universiti pun boleh diperlekehkan oleh PAS.

Menyentuh mengenai amaran tindakan Kerajaan Pusat itu, ternyata PAS yang selama ini mendakwa memperjuangkan Islam, lebih takutkan Kerajaan Pusat atau Dr. Mahathir dari Allah SWT.

Apa tidaknya, kalau benar-benar memperjuangkan Islam dan hukum dalam Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan itu benar-benar menepati ajaran dan perintah Allah, masakan takut dengan amaran Dr. Mahathir itu?

Takkanlah Dr. Mahathir lebih besar dan lebih berkuasa dari Allah SWT. Kemana perginya kata-kata jihad yang dilaung-laungkan itu.

Jika ia benar-benar kerana Allah dan demi Islam, sepatutnya Nik Aziz Nik Mat atau Kerajaan Kelantan tidak sepatutnya tunduk kepada tekanan dan ugutan yang dibuat oleh Dr. Mahathir.

Bukankah melawan Kerajaan Pusat dan Dr. Mahathir itu merupakan satu jihad yang sangat dituntut oleh PAS?

Kenapa sehingga ke hari ini Rang Undan-undang itu tidak dilaksanakan malah didiamkan begitu saja?

Sehubungan dengan itu, elok rasanya kita perhatikan sebuah berita yang tersiar di dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 7hb Mac 2000, di bawah tajuk **PELAKSANAAN HUKUM HUDUD LALUI PROSES PANJANG - Hadi**.

Berita itu menyebutkan, "Kerajaan PAS Terengganu hari ini mengakui pelaksanaan hukum hudud di negeri ini akan melalui proses masa

yang panjang.

"Menteri Besar, Abdul Hadi Awang berkata bagaimanapun pihaknya akan tetap meneruskan pelaksanaannya walaupun ia perlu melalui beberapa proses tertentu dalam perundangan negara.

"Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri berhasrat untuk mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Pusat selepas ia siap menggubal Undang-Undang Syariah bagi melaksanakan hukum hudud di negeri itu", jelas berita itu.

Seterusnya berita itu mencatatkan kenyataan Haji Hadi yang menyebutkan: "Berdasarkan syarat untuk melaksanakan Undang-Undang Syariah di sini, kita telah cukup segala-galanya tetapi sebagai salah sebuah negeri di bawah Kerajaan Persekutuan kita perlu mematuhi undang-undang yang ada.

"Sebab itu apabila kita siap menggubal undang-undang hudud kita akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Pusat dan berharap mereka akan menerima cadangan itu," katanya.

"Beliau menjelaskan hukum hudud adalah merupakan sebahagian kecil daripada hukum syariah tetapi kerajaan negeri tetap bertanggungjawab untuk melaksanakannya.

"Hukum hudud adalah satu aspek daripada 0.0001 peratus daripada hukum Islam tetapi menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melaksanakannya."

Berita ini juga menimbulkan tandatanya yang tidak dapat difikirkan oleh para penyokong PAS yang fanatik. Tak kira sama ada mereka itu dari golongan intelek dan orang-orang yang berilmu atau tidak. Semuanya sama saja. Mereka mudah diperbodohkan kerana otak mereka dah jadi beku (jumud) akibat begitu taksub dengan PAS.

Berita yang disedut dari *Utusan Malaysia* tadi ternyata boleh menimbulkan satu tanda tanya untuk Haji Hadi.

Bukankah beliau sebelum itu adalah Pengerusi kepada Jawatankuasa yang menggubal Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan? Kenapa bila beliau jadi Menteri Besar Terengganu,

terpaksa pula menggubal Undang-Undang lain yang khusus untuk Terengganu? Kenapa tidak diguna pakai sahaja enakmen Kelantan itu?

Apakah sesuatu yang dulunya dipersetujui oleh Haji Hadi, kini tidak boleh digunakan lagi?

Jika diteliti hujah-hujah ini, nyatalah bahawa dakwaan yang mengatakan Dr. Mahathir atau Kerajaan Pusat menolak hukum Hudud adalah satu '**sandiwara politik PAS**' yang terang-terang membohong serta memperlekehkan penyokong-penyokong PAS, terutamanya mereka yang berpendidikan tinggi.

Sebagai kesimpulannya, kepada sesiapa yang yakin dan percaya bahawa Kerajaan Pusat pimpinan Dr. Mahathir telah menolak hukum Hudud, sedarlah bahawa anda semua selama ini telah dibohongi oleh pemimpin-pemimpin PAS yang berselindung di sebalik gelaran ulama.

Kalau pemimpin-pemimpin PAS benar-benar berjuang kerana Islam atau kerana Allah, tentulah mereka tidak akan mengalah kepada arahan Dr. Mahathir Mohamad.

Kalaulah apa yang didakwa oleh PAS sebagai hukum Hudud itu benar-benar sebagaimana yang dituntut oleh Allah SWT, takkanlah para pemimpin PAS tak berani melaksanakannya semata-mata kerana takutkan Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia?

Kalau begitu keadaannya tidakkah para penyokong PAS berasa tertipu dengan slogan retorik berbunyi **Membangun Bersama Islam** atau **Ke arah mewujudkan sebuah negara Islam sebenar**?

Sehubungan dengan itu bolehkah mereka yang menampilkan diri sebagai ulama dalam PAS itu diamanahkan memimpin ummah?

Tidakakah anda semua terfikir bahawa kalaulah perjuangan PAS sejak tahun 1951 itu benar-benar kerana Allah, kenapa hingga kini masih belum diizinkan Allah memerintah Negara Malaysia?

Renung dan fikir-fikirkanlah.

Hudud *siapa khianati hukum Allah*

KANUN Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan yang didakwa oleh **PAS** sebagai **hukum Hudud**, dicipta untuk memenuhi janji-janji pilihan raya sebelum 1990. Dalam keadaan terdesak itu pucuk pimpinan PAS telah merancang untuk mencipta satu undang-undang Hudud yang seharusnya ditolak oleh kerajaan atau Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang telah diberikan tanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa berkenaan. Hasilnya terwartalah satu enakmen yang dinamakan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan dalam Warta Kerajaan Negeri Kelantan bertarikh 28 Oktober 1993.

Apabila enakmen tersebut dikemukakan kepada Kerajaan Pusat untuk kelulusan, maka Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia telah menolak enakmen berkenaan dengan alasan-alasan tertentu yang berteraskan kedaulatan dan kesucian agama Islam yang mulia.

Bagai orang mengantuk disorongkan bantal, maka penolakan Perdana Menteri itu pun dicanang dan dikumandangkan keseluruhan pelusuk negara oleh pemimpin dan juak-juak PAS hinggan mereka memfatwakan orang-orang UMNO serta Dr. Mahathir Muhamad sebagai kafir, zalim dan fasik kerana menolak hukum Hudud.

Persoalannya, apakah jenis Hudud yang ditolak oleh Dato' Seri Dr. Mahathir? Alasan kenapa ditolak dan apa yang ditolak tidak pernah diberitahu oleh PAS.

Apa yang mereka uar-uarkan ialah **MAHATHIR TOLAK HUDUD** dan slogan **KAMI SOKONG HUDUD** disebarikan seluas-luasnya.

Oleh kerana isu ini memecahbelahkan perpaduan umat Melayu-Islam di negara tercinta ini, maka hukum Hudud PAS seperti yang terdapat dalam Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan didedah dan diulas dalam buku kecil ini.

Pendedahan ini membuktikan bahawa apa yang didakwa oleh PAS itu adalah fitnah dan tohmahan jahat yang bermotifkan politik semata-mata. Dan kerana kepentingan politik kepartian, para ulama dalam PAS sanggup dan rela agama Islam diperalat dan dipersenda sedemikian rupa.

